

15/01/2001

Cadangan lesen penjaja menurut jumlah penduduk

KUALA LUMPUR, Ahad - Gabungan Persatuan-Persatuan Penjaja Kecil dan Peniaga Melayu Malaysia (GPPKPMM) akan mengemukakan tiga cadangan termasuk kuota lesen penjaja sebanyak lima peratus daripada jumlah penduduk negara ini kepada kerajaan.

Timbalan Presidennya, Bahrim A Razak berkata, cadangan itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuan bersama peniaga kecil Bumiputera di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), esok.

Beliau berkata, dua cadangan lain ialah melantik Yang Dipertua Persatuan Penjaja Kecil dan Peniaga Melayu (PPKPM) negeri sebagai Senator dan membuka semula pengeluaran lesen penjaja baru yang dibekukan sejak 1996.

"Cadangan ini demi memastikan nasib penjaja Bumiputera termasuk di Sabah dan Sarawak terbela," katanya kepada Berita Harian di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau yang juga Yang Dipertua PPKPM cawangan Wilayah Persekutuan berkata, permintaan kuota sebanyak itu wajar memandangkan jumlah penduduk negara ini sudah menjangkau 22.2 juta.

Katanya, setakat ini terdapat kira-kira 1.2 juta penjaja berlesen dan kira-kira 500,000 daripada jumlah itu adalah Bumiputera.

(END)